**Jadual Manfaat Penuh i-Medi Shield Link Rider (Kod Pelan: J164 – J167)**

| Perkara | Manfaat yang Dilindungi | J164<br>IL MSHL 100 | J165<br>IL MSHL 150 | J166<br>IL MSHL 200 | J167<br>IL MSHL 300 |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Deduktibel (bagi perkara 1 – 7): RM 500, RM1,000, RM 2,000 atau RM 5,000**<br>**Jumlah deduktibel (kecuali RM 500) akan dikurangkan kepada separuh tertakluk kepada tiada tuntutan selama sekurang-kurangnya 5 tahun berturut-turut dan caruman pelan asas yang terkini. Jumlah deduktibel akan kembali ke jumlah asal jika sebarang tuntutan dibuat selepas itu dan sekiranya tiada tuntutan dibuat selepas 5 tahun jumlah deduktibel akan dikurangkan semula.** | | | |
| **Manfaat Pesakit Dalam Hospital (RM)** | | | | | |
| 1 | **Bilik dan Penginapan Hospital***<br>(Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had) | 100 | 150 | 200 | 300 |
| | | *Peningkatan 20% daripada R&B asal setiap 5 tahun, jika tiada tuntutan (Sehingga maksimum 5 kali kenaikan) | | | |
| | | Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di atas. | | | |
| 2 | **Unit Rawatan Rapi (ICU)**<br>(Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had) | Seperti caj yang dikenakan | | | |
| 3 | **Bekalan dan Khidmat Hospital** | Seperti caj yang dikenakan<br><br>Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa yang dikenakan untuk wad atau bilik dan penginapan yang lebih kurang dan dalam lingkungan jumlah had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Penginapan Hospital di bawah pelan yang dilindungi. | | | |
| 4 | **Bayaran Pembedahan** | | | | |
| 5 | **Dewan Bedah** | | | | |
| 6 | **Bayaran Pakar Bius** | | | | |
| 7 | **Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital**<br>(2 lawatan sehari) | | | | |
| **Manfaat Pesakit Luar (RM)** | | | | | |
| 8 | **Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital**<br>(Dalam tempoh 120 hari sebelum Kemasukan Hospital) | Seperti caj yang dikenakan<br><br>Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa yang dikenakan untuk wad atau bilik dan penginapan yang lebih kurang dan dalam lingkungan jumlah had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Penginapan Hospital di bawah pelan yang dilindungi. | | | |
| 9 | **Konsultasi Pakar Sebelum Kemasukan Hospital** (Dalam tempoh 120 hari sebelum Kemasukan Hospital) | | | | |
| 10 | **Rawatan Selepas Kemasukan Hospital**<br>(Dalam tempoh 180 hari selepas keluar hospital) | | | | |
| 11 | **Pembedahan Harian Pesakit Luar** | | | | |
| 12 | **Rawatan Kanser Pesakit Luar** | Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Perubatan Keseluruhan, terma dan syarat.<br>(Jika Had Perubatan Keseluruhan bagi Tahun Sijil tertentu telah habis digunakan, Rawatan Kanser Pesakit Luar dan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar akan terus berhenti dibayar untuk baki Tahun Sijil tersebut.) | | | |
| 13 | **Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar** | | | | |
| 14 | **Rawatan Denggi Pesakit Luar** | Seperti caj yang dikenakan | | | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 15 | **Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar** (Had setiap tahun sijil, tertakluk kepada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan) | 5,000 | | | |
| **Manfaat-Manfaat Lain (RM)** | | | | | |
| 16 | **Bayaran Ambulans** | Seperti caj yang dikenakan | | | |
| 17 | **Pemindahan Organ** | Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa yang dikenakan untuk wad atau bilik dan penginapan yang lebih kurang dan dalam lingkungan jumlah had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Penginapan Hospital di bawah pelan yang dilindungi. | | | |
| 18 | **Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia** (Had sehari, untuk bilangan hari tanpa had) | 100 | 150 | 200 | 300 |
| 19 | **Kanta Intraokular** | Sehingga **1,000** setiap mata dan maksimum **2,000** untuk seumur hidup | | | |
| 20 | **Penjagaan Harian** (untuk Kemasukan Hospital kanak-kanak) (Sehari, tertakluk kepada maksimum 180 hari bagi setiap tahun sijil) | N/A | | 200 | 300 |
| 21 | **Supreme Assist** (Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan) | Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist | | | |
| 22 | **Pendapat Kedua Eksekutif (ESO)** | Berdasarkan peruntukan manfaat dalam perjanjian Pendapat Eksekutif Kedua | | | |
| 23 | **Cukai Malaysia** | Tuntutan yang boleh dibayar ke atas cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain yang dikenakan bagi Manfaat yang Dilindungi; tidak tertakluk kepada Had Perubatan Keseluruhan. | | | |
| **Had Keseluruhan** | | | | | |
| 24 | **Had Perubatan Keseluruhan bagi Perkara (1) hingga (20) (OML)** (Berdasarkan jumlah yang dibayar) | 60,000 | 100,000 | 200,000 | 250,000 |
| | | *Peningkatan 10% daripada OML asal setiap 2 tahun, jika tiada tuntutan (Sehingga maksimum 20 kali kenaikan) | | | |
| 25 | **Had Tahunan Keseluruhan** | Tiada Had Tahunan (20% co-takaful akan terpakai apabila tuntutan melebihi OML) | | | |
| 26 | **Had Seumur Hidup Keseluruhan** | Tiada Had Seumur Hidup | | | |

**Kadar *Tabarru'* Standard Tahunan untuk i-Medi Shield Link Rider bagi Kelas Pekerjaan 1&2**

| Kumpulan Umur | Deduktibel 500 | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | | | | Perempuan | | | |
| | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 |
| 1 - 5 | 1,317 | 1,367 | 1,632 | 1,732 | 1,317 | 1,367 | 1,632 | 1,732 |
| 6 - 10 | 728 | 749 | 895 | 938 | 670 | 691 | 825 | 868 |
| 11 - 15 | 709 | 731 | 864 | 907 | 651 | 672 | 796 | 839 |
| 16 - 20 | 753 | 775 | 909 | 952 | 693 | 714 | 837 | 880 |
| 21 - 25 | 777 | 798 | 936 | 979 | 715 | 737 | 865 | 907 |
| 26 - 30 | 867 | 888 | 1,037 | 1,080 | 798 | 820 | 960 | 1,003 |
| 31 - 35 | 891 | 913 | 1,065 | 1,107 | 823 | 844 | 988 | 1,031 |
| 36 - 40 | 903 | 925 | 1,069 | 1,112 | 970 | 991 | 1,145 | 1,188 |
| 41 - 45 | 1,150 | 1,172 | 1,354 | 1,396 | 1,247 | 1,268 | 1,464 | 1,507 |
| 46 - 50 | 1,458 | 1,479 | 1,711 | 1,753 | 1,573 | 1,594 | 1,843 | 1,886 |
| 51 - 55 | 1,803 | 1,824 | 2,112 | 2,154 | 1,942 | 1,963 | 2,270 | 2,313 |
| 56 - 60 | 2,365 | 2,386 | 2,788 | 2,831 | 2,216 | 2,238 | 2,613 | 2,656 |
| 61 - 65 | 3,733 | 3,755 | 4,401 | 4,443 | 3,233 | 3,255 | 3,828 | 3,871 |
| 66 - 70 | 5,708 | 5,730 | 6,662 | 6,705 | 5,644 | 5,665 | 6,589 | 6,632 |
| 71 – 75 | 5,728 | 5,743 | 6,673 | 6,703 | 5,735 | 5,750 | 6,682 | 6,712 |
| 76 – 80 | 7,018 | 7,033 | 8,195 | 8,225 | 6,747 | 6,762 | 7,885 | 7,915 |
| 81 – 85 | 8,001 | 8,016 | 9,343 | 9,373 | 7,693 | 7,708 | 8,990 | 9,020 |
| 86 – 90 | 9,479 | 9,494 | 11,066 | 11,096 | 9,114 | 9,129 | 10,647 | 10,677 |
| 91 – 95 | 10,868 | 10,883 | 12,686 | 12,716 | 10,451 | 10,466 | 12,206 | 12,236 |
| 96 – 98 | 12,304 | 12,319 | 14,358 | 14,388 | 11,830 | 11,845 | 13,814 | 13,844 |

Nota: Tambahan 25% akan dikenakan untuk Kelas Pekerjaan 3 dan 50% untuk Kelas Pekerjaan 4

**Kadar *Tabarru'* Standard Tahunan untuk i-Medi Shield Link Rider bagi Kelas Pekerjaan 1&2**

| Kumpulan Umur | Deduktibel 1,000 | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | | | | Female | | | |
| | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 |
| 1 - 5 | 1,174 | 1,224 | 1,462 | 1,562 | 1,174 | 1,224 | 1,462 | 1,562 |
| 6 - 10 | 665 | 686 | 818 | 861 | 612 | 686 | 818 | 798 |
| 11 - 15 | 665 | 686 | 809 | 852 | 610 | 686 | 809 | 790 |
| 16 - 20 | 726 | 748 | 876 | 919 | 669 | 748 | 876 | 850 |
| 21 - 25 | 749 | 770 | 902 | 945 | 691 | 770 | 902 | 877 |
| 26 - 30 | 833 | 854 | 996 | 1,039 | 768 | 854 | 996 | 966 |
| 31 - 35 | 858 | 880 | 1,025 | 1,068 | 793 | 880 | 1,025 | 994 |
| 36 - 40 | 875 | 896 | 1,034 | 1,077 | 938 | 896 | 1,034 | 1,149 |
| 41 - 45 | 1,110 | 1,132 | 1,305 | 1,348 | 1,202 | 1,132 | 1,305 | 1,453 |
| 46 - 50 | 1,403 | 1,424 | 1,645 | 1,688 | 1,513 | 1,424 | 1,645 | 1,815 |
| 51 - 55 | 1,732 | 1,753 | 2,028 | 2,070 | 1,865 | 1,753 | 2,028 | 2,222 |
| 56 - 60 | 2,267 | 2,289 | 2,674 | 2,717 | 2,125 | 2,289 | 2,674 | 2,549 |
| 61 - 65 | 3,571 | 3,593 | 4,212 | 4,255 | 3,093 | 3,593 | 4,212 | 3,707 |
| 66 - 70 | 5,453 | 5,475 | 6,367 | 6,410 | 5,391 | 5,475 | 6,367 | 6,340 |
| 71 – 75 | 5,468 | 5,483 | 6,372 | 6,402 | 5,474 | 5,483 | 6,372 | 6,411 |
| 76 – 80 | 6,697 | 6,712 | 7,824 | 7,854 | 6,437 | 6,712 | 7,824 | 7,558 |
| 81 – 85 | 7,634 | 7,649 | 8,919 | 8,949 | 7,339 | 7,649 | 8,919 | 8,611 |
| 86 – 90 | 9,042 | 9,057 | 10,562 | 10,592 | 8,693 | 9,057 | 10,562 | 10,191 |
| 91 – 95 | 10,366 | 10,381 | 12,107 | 12,137 | 9,966 | 10,381 | 12,107 | 11,677 |
| 96 – 98 | 11,734 | 11,749 | 13,701 | 13,731 | 11,281 | 11,749 | 13,701 | 13,210 |

Nota: Tambahan 25% akan dikenakan untuk Kelas Pekerjaan 3 dan 50% untuk Kelas Pekerjaan 4

**Kadar *Tabarru'* Standard Tahunan untuk i-Medi Shield Link Rider bagi Kelas Pekerjaan 1&2**

| Kumpulan Umur | Deduktibel 2,000 | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | | | | Female | | | |
| | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 |
| 1 - 5 | 886 | 936 | 1,119 | 1,219 | 886 | 936 | 1,119 | 1,219 |
| 6 - 10 | 528 | 549 | 655 | 698 | 486 | 507 | 605 | 648 |
| 11 - 15 | 563 | 585 | 689 | 732 | 518 | 539 | 637 | 679 |
| 16 - 20 | 661 | 683 | 798 | 841 | 610 | 631 | 737 | 780 |
| 21 - 25 | 683 | 704 | 823 | 866 | 630 | 652 | 762 | 805 |
| 26 - 30 | 757 | 778 | 906 | 949 | 698 | 720 | 840 | 883 |
| 31 - 35 | 781 | 802 | 933 | 976 | 722 | 744 | 867 | 910 |
| 36 - 40 | 805 | 827 | 952 | 995 | 863 | 885 | 1,018 | 1,061 |
| 41 - 45 | 1,018 | 1,040 | 1,197 | 1,240 | 1,102 | 1,124 | 1,293 | 1,336 |
| 46 - 50 | 1,283 | 1,305 | 1,505 | 1,548 | 1,384 | 1,405 | 1,621 | 1,663 |
| 51 - 55 | 1,580 | 1,602 | 1,851 | 1,894 | 1,702 | 1,723 | 1,989 | 2,032 |
| 56 - 60 | 2,065 | 2,086 | 2,438 | 2,481 | 1,935 | 1,956 | 2,286 | 2,329 |
| 61 - 65 | 3,244 | 3,266 | 3,834 | 3,877 | 2,808 | 2,829 | 3,334 | 3,377 |
| 66 - 70 | 4,946 | 4,967 | 5,781 | 5,824 | 4,889 | 4,911 | 5,718 | 5,761 |
| 71 – 75 | 4,954 | 4,969 | 5,781 | 5,811 | 4,960 | 4,975 | 5,789 | 5,819 |
| 76 – 80 | 6,066 | 6,081 | 7,098 | 7,128 | 5,829 | 5,844 | 6,827 | 6,857 |
| 81 – 85 | 6,913 | 6,928 | 8,089 | 8,119 | 6,645 | 6,660 | 7,781 | 7,811 |
| 86 – 90 | 8,186 | 8,201 | 9,577 | 9,607 | 7,869 | 7,884 | 9,211 | 9,241 |
| 91 – 95 | 9,384 | 9,399 | 10,976 | 11,006 | 9,019 | 9,034 | 10,557 | 10,587 |
| 96 – 98 | 10,621 | 10,636 | 12,420 | 12,450 | 10,208 | 10,223 | 11,945 | 11,975 |

Nota: Tambahan 25% akan dikenakan untuk Kelas Pekerjaan 3 dan 50% untuk Kelas Pekerjaan 4

**<u>Kadar *Tabarru'* Standard Tahunan untuk i-Medi Shield Link Rider bagi Kelas Pekerjaan 1&2</u>**

| Kumpulan Umur | Deduktibel 5,000 | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | | | | Female | | | |
| | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 | R&B 100 | R&B 150 | R&B 200 | R&B 300 |
| 1 - 5 | 236 | 286 | 346 | 446 | 236 | 286 | 346 | 446 |
| 6 - 10 | 221 | 242 | 288 | 331 | 204 | 226 | 268 | 311 |
| 11 - 15 | 339 | 360 | 421 | 464 | 313 | 334 | 391 | 434 |
| 16 - 20 | 513 | 534 | 621 | 663 | 475 | 497 | 576 | 619 |
| 21 - 25 | 526 | 547 | 636 | 678 | 487 | 509 | 591 | 634 |
| 26 - 30 | 574 | 595 | 689 | 732 | 532 | 553 | 641 | 684 |
| 31 - 35 | 597 | 619 | 716 | 759 | 554 | 576 | 668 | 710 |
| 36 - 40 | 641 | 663 | 757 | 800 | 685 | 707 | 807 | 850 |
| 41 - 45 | 798 | 820 | 938 | 981 | 862 | 883 | 1,011 | 1,054 |
| 46 - 50 | 993 | 1,015 | 1,165 | 1,208 | 1,070 | 1,091 | 1,253 | 1,296 |
| 51 - 55 | 1,212 | 1,234 | 1,421 | 1,464 | 1,305 | 1,326 | 1,526 | 1,569 |
| 56 - 60 | 1,570 | 1,591 | 1,862 | 1,905 | 1,471 | 1,492 | 1,746 | 1,789 |
| 61 - 65 | 2,440 | 2,461 | 2,903 | 2,946 | 2,108 | 2,129 | 2,522 | 2,565 |
| 66 - 70 | 3,695 | 3,716 | 4,337 | 4,380 | 3,652 | 3,673 | 4,289 | 4,331 |
| 71 – 75 | 3,687 | 3,702 | 4,319 | 4,349 | 3,692 | 3,707 | 4,325 | 4,355 |
| 76 – 80 | 4,507 | 4,522 | 5,300 | 5,330 | 4,327 | 4,342 | 5,094 | 5,124 |
| 81 – 85 | 5,131 | 5,146 | 6,036 | 6,066 | 4,927 | 4,942 | 5,801 | 5,831 |
| 86 – 90 | 6,070 | 6,085 | 7,139 | 7,169 | 5,828 | 5,843 | 6,861 | 6,891 |
| 91 – 95 | 6,953 | 6,968 | 8,177 | 8,207 | 6,676 | 6,691 | 7,857 | 7,887 |
| 96 – 98 | 7,865 | 7,880 | 9,248 | 9,278 | 7,551 | 7,566 | 8,886 | 8,916 |

Nota: Tambahan 25% akan dikenakan untuk Kelas Pekerjaan 3 dan 50% untuk Kelas Pekerjaan 4

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Medi Shield Link Rider. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
Nama Produk : i-Medi Shield Link Rider
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

---

## 1. Apakah produk ini?

i-Medi Shield Link Rider merupakan rider penolakan unit yang menyediakan perlindungan bagi kemasukan hospital dan perbelanjaan pembedahan yang ditanggung akibat penyakit atau kecederaan kemalangan, yang membayar lebihan daripada jumlah deduktibel, mana yang berkenaan. Jumlah deduktibel adalah jumlah tetap sebanyak RM<500/1,000/2,000/5,000> yang mesti dibayar oleh anda bagi setiap hilang upaya (sehingga 90 hari) sebelum mana-mana perbelanjaan yang layak dibayar oleh Kami. Tiada Had Tahunan Keseluruhan bagi rider ini, di mana bagi sebarang tuntutan yang melebihi Had Perubatan Keseluruhan, 20% takaful bersama akan terpakai.

## 2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- ***Tabarru'*:** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- ***Wakalah:*** Kontrak agensi yang mana:
  - (i) ***Wakalah bi al-Ujrah*:** Caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Akaun Unit Peserta (PUA).
  - (ii) ***Wakalah bi al-Istithmar***: Peserta bersetuju melantik Kami untuk melabur PUA.
- ***Ju'alah*:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan daripada Dana *Tabarru'* dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- ***Mudharabah*:** Kami bertindak sebagai Pengusaha *(Mudharib)* yang mengusahakan Dana *Tabarru'* dan Peserta sebagai Pemilik Modal *(Rabbul Mal)*. Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan bagi Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya, jika ada yang mana berkenaan. Sebarang kerugian pelaburan akan ditanggung oleh Peserta.
- ***Qard***: Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

## 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat di bawah pelan ini adalah seperti berikut:

| Penerangan | Jumlah Bayaran (RM) / Pelan |
|---|---|
| **i-Medi Shield Link Rider (<IL MSHL100/ IL MSHL150 / IL MSHL200 / IL MSHL 300>)**<br>Apabila berlaku kemasukan hospital dan pembedahan akibat sakit atau kecederaan kemalangan, rider ini akan membayar | R&B: <IL MSHL100/ IL MSHL150/ IL MSHL200/ IL MSHL300> |

| | |
|---|---|
| perbelanjaan kemasukan hospital dan pembedahan lebihan daripada jumlah deduktibel, mana yang berkenaan. Jumlah deduktibel adalah jumlah tetap sebanyak RM<500/1,000/2,000/5,000> yang mesti dibayar oleh anda bagi setiap hilang upaya/perbelanjaan (sehingga 90 hari) sebelum mana-mana perbelanjaan yang layak dibayar oleh Kami. Tiada Had Tahunan Keseluruhan bagi rider ini, di mana bagi sebarang tuntutan yang melebihi Had Perubatan Keseluruhan, 20% takaful bersama akan terpakai.<br><br>Sila rujuk Jadual Manfaat Penuh bagi manfaat yang terperinci.<br><br>*Tempoh Perlindungan: <Term of Rider> tahun atau selepas penamatan, mana yang terdahulu.* | Jika IL MSHL100 dipilih:<br><br>Untuk setiap 5 tahun, R&B akan meningkat sebanyak 20% sehingga maksimum R&B RM200, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Untuk setiap 2 tahun, Had Perubatan Keseluruhan (OML) akan meningkat sebanyak 10% sehingga maksimum OML RM180,000, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Jika IL MSHL150 dipilih:<br><br>Untuk setiap 5 tahun, R&B akan meningkat sebanyak 20% sehingga maksimum R&B RM300, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Untuk setiap 2 tahun, Had Perubatan Keseluruhan (OML) akan meningkat sebanyak 10% sehingga maksimum OML RM300,000, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Jika IL MSHL200 dipilih:<br><br>Untuk setiap 5 tahun, R&B akan meningkat sebanyak 20% sehingga maksimum R&B RM400, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Untuk setiap 2 tahun, Had Perubatan Keseluruhan (OML) akan meningkat sebanyak 10% sehingga maksimum OML RM600,000, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Jika IL MSHL300 dipilih:<br><br>Untuk setiap 5 tahun, R&B akan meningkat sebanyak 20% sehingga maksimum R&B RM600, tertakluk kepada tiada tuntutan.<br><br>Untuk setiap 2 tahun, Had Perubatan Keseluruhan (OML) akan meningkat sebanyak 10% sehingga maksimum OML RM750,000, tertakluk kepada tiada tuntutan. |

Nota: *Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila baca Sijil kerana ia memberi penerangan berkenaan manfaat rider, mana yang berkenaan. Pemilihan rider yang dilampirkan yang sesuai dengan keperluan perlindungan anda adalah amat penting.*

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDS atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

**4. Berapakah caruman yang saya perlu bayar**?

Tidak berkenaan bagi rider dengan penolakan unit. Sila rujuk soalan 5 di bawah untuk Tabarru'.

**5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

Tabarru' ditolak secara bulanan daripada nilai unit anda. Tabarru' mungkin akan meningkat mengikut umur anda. Kadar Tabarru' mengikut umur hari lahir berikutnya, jantina, status merokok dan kelas pekerjaan, mana yang berkenaan, pada setiap ulang tahun sijil.Tabarru' adalah tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Kami berhak untuk mengubah Tabarru' dengan memberi notis 30 hari secara bertulis terlebih dahulu, di mana perubahan tersebut (jika ada) adalah bertujuan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami, kos rawatan perubatan, teknologi perubatan yang lebih maju atau keadaan yang wajar yang lain. Perubahan-perubahan ini akan diguna pakai untuk semua sijil tidak mengira pengalaman tuntutan individu. Sila rujuk kepada Sijil dan/atau Ilustrasi Manfaat untuk huraian lanjut bagi Tabarru'.

**6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?**

- **Kepentingan untuk Membuat Pendedahan** – anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh Rujukan Percuma** – anda boleh membatalkan rider dengan mengembalikan sijil kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas penghantaran sijil kepada anda. Kami akan membayar balik caruman menyamai nilai caruman yang telah dibayar setelah ditolak sebarang bayaran perubatan (jika ada) untuk pemeriksaan perubatan.
- **Prosedur Tuntutan** – borang tuntutan boleh didapati dari laman web Kami. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan, adalah dinasihatkan untuk memberitahu Kami serta merta.
- Tempoh Menunggu – kelayakan untuk kejadian yang dilindungi akibat penyakit hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula bagi rider ini, mana yang kemudian. Bagi penyakit tertentu, tempoh menunggu selama 120 hari akan terpakai. Tiada Tempoh Menunggu untuk kemalangan kecemasan bagi pesakit luar dan dalam.
- **Penyelarasan Manfaat** – Kami akan memberi pampasan mengikut dasar bersekadar jika anda mempunyai perlindungan kemasukan hospital lain dalam bentuk pembayaran balik dengan Kami atau sumber lain, atau sedang menerima pampasan daripada sumber lain bagi kecederaan atau sakit atau penyakit.
- **Menetap di Luar Negara** – tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Dilindungi di luar Malaysia, jika Orang yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.
- **Rawatan di Luar Negara** – Jika Orang yang Dilindungi memilih, atau dirujuk untuk dirawat di luar Malaysia, manfaat rawatan tersebut adalah terhad kepada bayaran munasabah dan biasa untuk rawatan tempatan yang setara di Malaysia dan kos pengangkutan ke tempat rawatan akan dikecualikan.
- **Amaun Deduktibel** – Kami akan membayar balik / bayar perbelanjaan yang layak bagi setiap hilang upaya yang berlaku untuk semua manfaat yang dilindungi, yang melebihi daripada jumlah deduktibel RM<500/1,000/2,000/5,000> seperti yang dinyatakan diatas dan di dalam Jadual Manfaat dalam Sijil.
- **Takaful Bersama** – anda perlu membayar 20% daripada jumlah kos perubatan yang melebihi jumlah Had Perubatan Keseluruhan bagi IL MSHIELD.

*Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi terma dan syarat di bawah rider ini.*

**7. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?**

- Penyakit sedia ada.
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh berkuat kuasa rider ini.
- Sebarang rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia, jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada 90 hari berturut-turut.
- Bersalin.
- Keabnormalan kongenital.
- Kecederaan kemalangan atau penyakit yang diakibatkan oleh perlumbaan.
- Pembedahan kosmetik atau plastik.
- Rawatan pergigian atau pembedahan mulut.

Nota: *Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah rider ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan rider ini?**

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Apabila anda membatalkan rider ini, manfaat di bawah rider ini akan diberhentikan dan nilai serahan bagi rider anda yang merupakan sebahagian daripada PUA akan dikembalikan kepada anda sekiranya berlaku penamatan pelan asas.

**9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?**

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya melalui portal pelanggan dalam talian kami, i-*Get In Touch* di igetintouch.greateasterntakaful.com.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332** (**916257-H**)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

| | |
|---|---|
| Ibu Pejabat | : Tingkat 3, Menara Great Eastern,<br>303, Jalan Ampang,<br>50450 Kuala Lumpur. |
| Tel | : (603) 4259 8338 |
| Faks | : (603) 4259 8808 |
| Careline | : 1 300 13 8338 |
| E-mel | : i-greatcare@greateasterntakaful.com |
| Laman Web | : www.greateasterntakaful.com |

**11. Jenis perlindungan lain yang serupa**

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA RIDER INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.